

Peluk Islam selepas tumpaskan Liston

Kosmo-576/10 (m/s 3)

KUALA LUMPUR - Muhammad Ali (**gambar**) memeluk agama Islam sebaik sahaja menumpaskan peninju Sonny Liston untuk gelaran heavyweight dunia di Pantai Miami, Amerika Syarikat ketika berusia 22 tahun pada 1964.

Beliau kemudian menukar nama daripada Cassius Marcellus Clay Jr. kepada Muhammad Ali. Nama itu merupakan pemberian seorang tokoh Muslim daripada pertu-

bahan Nation of Islam di Amerika Syarikat, Elijah Muhammad.

Menurut Ali, beliau tertarik kepada agama Islam yang tidak membezakan warna kulit, etnik dan kaum kerana yang paling utama di sisi Tuhan ialah mereka yang paling bertakwa. Ali juga telah menunaikan ibadat haji di Mekah pada tahun 1973.

Beliau juga aktif berdakwah di Amerika Syarikat dan dunia Islam.

